

09 MAR 1999

Mahkamah-Anwar (Surat)

UMMI MENGAKU MEGAT JUNID DRAF SURAT, KATA AZMIN

KUALA LUMPUR, 9 Mac (Bernama) -- Mohd Azmin Ali, bekas setiausaha sulit Datuk Seri Anwar Ibrahim, berkata adik perempuannya, Ummi Hafilda mengaku kepadanya Datuk Seri Megat Junid Megat Ayob ialah "dalang" di belakang surat "Perihal Salah Laku Timbalan Perdana Menteri".

"Ummi ada memberitahu saya surat berkenaan didrafkan oleh Datuk Megat Junid, (Menteri Perdagangan Dalam Negeri Dan Hal Ehwal Pengguna)," katanya.

Azmin berkata demikian ketika menjawab pertanyaan seorang daripada peguam bela Anwar, Christopher Fernando, sama ada Ummi ada memberitahunya tentang siapa yang menulis surat itu.

Sebelum itu Hakim Datuk S. Augustine Paul telah membenarkan peguam bela mendapatkan keterangan daripada Azmin mengenai penulis surat itu.

Surat "Perihal Salah Laku Timbalan Perdana Menteri" bertarikh 5 Ogos 1997 itu dialamatkan kepada Perdana Menteri Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad bersama-sama satu laporan khas dan pengakuan bersumpah Azizan Abu Bakar, bekas pemandu isteri Anwar.

Anwar, 51, bekas Timbalan Perdana Menteri dan bekas Menteri Kewangan menghadapi empat pertuduhan rasuah kerana menggunakan kedudukannya untuk campur tangan dalam siasatan polis berhubung dakwaan salah laku seks terhadapnya bagi mengelakkan keaiban.

Beliau didakwa mengikut Seksyen 2(1) Ordinan No 22 (Kuasa-Kuasa Perlu) Darurat 1970 yang membawa hukuman maksimum penjara 14 tahun atau denda RM20,000 atau kedua-duanya sekali.

Azmin, saksi pembelaan ke-14 pada perbicaraan yang masuk hari ke-68 itu, berkata adiknya membuat pengakuan itu semasa pertemuan di rumah abang mereka Mohd Azman pada 26 Jun tahun lepas.

Katanya sebelum membuat pendedahan itu Ummi mengaku kepadanya bahawa bukan dia yang menulis surat mendakwa salah laku seksual timbalan perdana menteri itu.

"Saya terpaksa bertanya Ummi sekali lagi walaupun dia telah membuat pengakuan (tidak menulis surat itu) kerana saya mengenali beliau yang selalu berbohong semasa bercakap.

"Saya bertanya kepada Ummi kenapa beliau sanggup melempar fitnah terhadap saya dan keluarga serta Saudara Anwar sedangkan beliau tahu bahawa tuduhan-tuduhan itu tidak berasas dan boleh meruntuhkan rumah tangga."

Fernando: Adakah Ummi memberitahu kamu siapa yang menulis surat itu.

Azmin: Beliau memberitahu saya sekiranya saya bercadang untuk mengambil tindakan undang-undang saya patut ambil tindakan undang-undang terhadap Megat Junid kerana dialah dalang di belakang surat berkenaan.

Katanya Ummi memberitahunya peranannya adalah untuk merekakan keterangan terhadap Anwar dan dia telah dijanjikan wang dan projek untuk berbuat demikian.

Azmin juga berkata Ummi sekali lagi membuat pengakuan kepadanya yang dia tidak menulis surat itu pada pertemuan mereka di pejabat seorang peniaga Datuk Sng Chee Hua di sini. Sng ialah juga Anggota Parlimen Julau di Sarawak.

"Ummi ada menyebut kepada saya kalau saya tidak percaya dengan pengakuan beliau maka saya boleh merujuk kepada surat pengakuan berkanun yang telah dibuat oleh beliau beberapa hari sebelum perjumpaan dengan saya," kata Azmin mengenai pertemuan mereka pada 1.20 petang 30 Jun 1998 di pejabat Sng.

Mahkamah kemudian ditangguhkan sebentar.

Azmin akan meneruskan keterangannya selepas mahkamah bersidang semula.

-- BERNAMA

NHD AHH NMO